

Kejayaan

Dorong anak dengan pujian

Oleh NOOR AZMAH IBRAHIM

BEKERJA atau tidak, tugas menguruskan keperluan anak-anak ke sekolah biasanya dilakukan oleh ibu. Malah, jika anak-anak menghadapi masalah, mereka jugalah yang akan bersusah payah ke sekolah untuk menyelesaikannya.

Ini kerana kebanyakan kaum bapa tidak sempat meluangkan masa dek kerana terlalu sibuk berkerja.

Namun bagi personaliti Bapa Prihatin minggu ini, Ustaz Yahya Abu Bakar, 54, dari Kampung Gunung Hilir, Alor Setar, menguruskan pendidikan anak-anak adalah keutamaannya.

Meskipun kekurangan dari segi material, beliau tidak menjadikannya sebagai halangan untuk berusaha memastikan mereka dapat belajar dengan tenang dan selesa.

Beliau bukan sahaja suka berbilang dan mendengar pendapat mahupun kehendak anak-anak, tetapi juga sering memberikan pujian sebagai satu dorongan.



"Di samping perhatian dan tunjuk ajar, apa yang sangat diperlukan oleh anak-anak ialah dorongan dan galakan yang berterusan.

BAPAPrihatin

"Tidak kira mata pelajaran apa, saya pastikan berada di sana apabila mereka ingin bertanya atau perlukan bantuan untuk menyiapkan kerja sekolah," katanya.

Menurut Ustaz Yahya yang bertugas sebagai guru pendidikan Islam Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) di Sekolah Kebangsaan Wan Sulaiman Sidek, tugasnya tidak hanya terhad kepada buku-buku sekolah sahaja, tetapi juga meliputi pakaian sekolah anak-anak.

Jika isterinya, Kalsom Ahmad, 46 yang juga guru KAFA bertanggungjawab memasak dan mengemas rumah, urusan pendidikan anak-anak dipikul sepenuhnya oleh beliau.

"Saya pastikan semua anak-anak ke sekolah dengan baju dan seluar yang kemas bergosok serta kasut dan stokin yang bersih.

"Pulang dari sekolah, selain memeriksa buku dan beg sekolah, saya pastikan sama ada kasut dan baju mereka perlu dibasuh atau tidak pada hari itu," jelas beliau.

Katanya, beliau tetap meneruskan amalan tersebut walau anak-anak telah memasuki sekolah menengah.

Di samping itu, kata Ustaz Yahya, semua anak-anaknya juga tidak mengikuti pendidikan pra sekolah secara formal kerana beliau mengajar asas pendidikan di rumah.

"A B C, alif ba ta dan asas membaca menulis dan mengira saya ajar sendiri di rumah dengan menggunakan papan hitam buruk yang ada.

"Selain membeli buku-buku yang sesuai, saya buat sendiri kad-kad huruf daripada kotak dan mereka akan membacanya sebelum tidur," katanya lagi.

Sesuai dengan jawatan sebagai Timbalan Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru di Sekolah Menengah Sri Gunung, Ustaz Yahya turut mempunyai hubungan baik den-